



SIARAN MEDIA

Media Release

INDEKS HARGA PENGGUNA

Consumer Price Index

(Jan 2015=100)

FEBRUARI 2022

FEBRUARY 2022



SIARAN MEDIA
JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

TAJUK UTAMA: INDEKS HARGA PENGGUNA (IHP) MENINGKAT SEBANYAK 3.2 PERATUS TAHUN-KE-TAHUN BAGI BULAN FEBRUARI 2022.

1. Bagi bulan Februari 2022, IHP meningkat sebanyak 3.2 peratus tahun-ke-tahun berbanding dengan bulan Februari 2021. Peningkatan IHP ini adalah selaras dengan peningkatan harga Bukan Makanan dan harga Makanan dan Minuman Ringan masing-masing sebanyak 3.3 peratus dan 2.6 peratus.
2. Peningkatan dalam komponen Bukan Makanan adalah didorong oleh Pelbagai Barangan dan Perkhidmatan sebanyak 14.0 peratus, Pakaian dan Kasut (10.4 peratus), dan Pengangkutan (4.7 peratus).
3. Kenaikan harga Pelbagai Barangan dan Perkhidmatan adalah terutamanya disebabkan oleh kenaikan harga insurans kenderaan. Manakala, peningkatan dalam Pakaian dan Kasut adalah disebabkan oleh kenaikan harga pakaian wanita. Kenaikan harga kenderaan bermotor dan kos tiket penerbangan pula telah mendorong kepada peningkatan harga Pengangkutan.
4. Peningkatan harga Makanan dan Minuman Ringan adalah disebabkan oleh kenaikan harga minyak masak sebanyak 17.3 peratus; daging (7.1 peratus); dan ikan dan makanan laut (3.9 peratus). Kenaikan kepada harga makanan ini antaranya disebabkan oleh kenaikan harga daripada negara-negara pengimport dan kekurangan bekalan.
5. Indeks yang mencatatkan penurunan tahun-ke-tahun adalah Perhubungan sebanyak 0.9 peratus.
6. Bagi perubahan bulan-ke-bulan, IHP bagi bulan Februari 2022 meningkat sebanyak 0.8 peratus berbanding dengan bulan Januari 2022. Indeks Makanan dan Minuman Ringan dan Indeks Bukan Makanan masing-masing meningkat sebanyak 0.8 peratus.
7. IHP mengukur perubahan harga barangan dan perkhidmatan yang dibayar oleh pengguna dalam satu tempoh masa yang ditetapkan dan dikumpulkan setiap bulan. Senarai barangan dan perkhidmatan dalam IHP adalah berdasarkan maklumat perbelanjaan purata sebuah keluarga yang diperolehi melalui Kajian Perbelanjaan Keluarga. Laporan penuh IHP bagi bulan Februari 2022 boleh didapati melalui laman sesawang JPES: <https://deps.mofe.gov.bn>.



MEDIA RELEASE
DEPARTMENT OF ECONOMIC PLANNING AND STATISTICS
MINISTRY OF FINANCE AND ECONOMY

HEADLINE: CONSUMER PRICE INDEX (CPI) INCREASED BY 3.2 PER CENT YEAR ON-YEAR IN FEBRUARY 2022.

1. *In February 2022, the CPI increased by 3.2 percent year-on-year compared to February 2021. The rise in the CPI was in line with the increase in Non-Food and Food and Soft Beverage prices by 3.3 percent and 2.6 percent, respectively.*
2. *The increase in the Non-Food component was driven by Miscellaneous Goods and Services 14.0 per cent, Clothing and Footwear (10.4 per cent), and Transport (4.7 per cent).*
3. *Miscellaneous Goods and Services prices rose mainly due to the increase in the price of vehicle insurance. Meanwhile, the increase in Clothing and Footwear was due to the increase in prices of women's outerclothing. Rising prices of motor cars and air fares continue to drive up Transport prices.*
4. *The increase in Food and Non-Alcoholic Beverages was due to the rise in prices of food such as cooking oil 17.3 per cent; meat (7.1 per cent); and fish and seafood (3.9 per cent). Among others, the rise in food price is due to higher import prices. Meanwhile, beef and buffalo prices have risen due to higher import prices and supply shortage.*
5. *The index which registered year-on-year decrease was Communication by 0.9 per cent.*
6. *For month-on-month changes, the CPI in February 2022 increased by 0.8 per cent compared to January 2022. The Food and Non-Alcoholic Beverages Index and the Non-Food Index increased by 0.8 per cent respectively.*
7. *The CPI is a measure of price changes of goods and services paid by the consumer in a specified period and compiled on a monthly basis. The list of goods and services in the CPI is based on the average expenditure per household from the Household Expenditure Survey (HES). The CPI full report for February 2022 is available from DEPS' website: <https://deps.mofe.gov.bn>.*